

02/04/2001

91 menang Ketua Umno bahagian tanpa tanding (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - Seramai 91 daripada 165 ketua bahagian Umno menang tanpa bertanding selepas 18,000 cawangan parti itu mengadakan mesyuarat bermula 1 Mac lalu hingga semalam.

Selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Kubang Pasu) dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Kepala Batas), tujuh Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri serta sembilan Menteri Kabinet dan tujuh Timbalan Menteri turut mengekalkan jawatan berkenaan.

Bahagian lain pula menyaksikan pertandingan sengit, tetapi usaha dikatakan masih dilakukan untuk mencapai kompromi menjelang mesyuarat perwakilan bahagian yang bermula hari ini.

Malah, Umno Bahagian Labuan yang pertama mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini, mencatat sejarah apabila semua jawatankuasanya tidak ditandingi, diketuai muka baru Datuk Suhaili Abdul Rahman, yang juga Ahli Parlimen Labuan.

Ketua bahagian itu menang tanpa bertanding sama ada kerana tiada calon lain dikemukakan cawangan atau lawan masing-masing gagal melepasi syarat kelayakan, iaitu sekurang-kurangnya memperoleh 20 peratus pencalonan minimum daripada jumlah cawangan yang layak mengadakan mesyuarat.

Di beberapa bahagian pula, kompromi dicapai dengan penyandang jawatan memberi laluan, sekali gus mengelakkan persaingan bagi menjamin perpaduan parti.

Pemerhati berpendapat persaingan sengit di sesetengah bahagian sukar dielakkan. Malah, politik wang turut dikatakan menguasai perebutan jawatan di bahagian tertentu.

Ini kerana sesetengah calon lebih mementingkan kehendak sendiri.

Sebelum ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, juga mendakwa berlaku amalan politik wang dalam kawasannya menyebabkan beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi membolehkannya bertanding mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan.

Berikutan itu, beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai Adun kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, di Kedah, lima lagi ketua bahagian menang tanpa bertanding, termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, apabila Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, Datuk Zakaria Said, memberi laluan kepadanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, pula menang tanpa bertanding di Kulim/Bandar Baru; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman (Sik), Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, Datuk Arzmi Hamid (Merbok) dan Ahmad Bashah Md Hanipah (Alor Star).

Di PULAU PINANG, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahya, mengekalkan jawatannya di Balik Pulau, manakala Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar (Tasek Gelugor).

Di PERAK, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (Grik) adalah antara 14 ketua Umno yang menang tanpa bertanding. Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, pula menang tanpa bertanding di Chenderoh.

Di JOHOR, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman (Ledang) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin

(Pagoh); Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kota Tinggi) serta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Tenggara), turut mengekalkan jawatan masing-masing.

Di NEGERI SEMBILAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula menang tanpa bertanding Bahagian Teluk Kemang dan Jelebu.

Di PAHANG, Adnan dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, menang tanpa bertanding di Bentong dan Pekan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam pula kekal sebagai ketua Umno Bahagian Batu Berendam, manakala Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (Tanjung Karang).

Di PERLIS, selain Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim (Arau), Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, juga mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Padang Besar.

Di KELANTAN, mereka yang menang tanpa bertanding ialah Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang); Datuk Mustapa Mohamed (Jeli); Datuk Anuar Musa (Peringat); dan Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas).

Di SABAH, 10 ketua bahagian menang tanpa bertanding, termasuk Datuk Seri Osu Sukam (Papar), Tan Sri Kasitah Gadam (Kinabalu) dan Datuk Shafie Apdal (Semporna).